

Pasangan itu masing-masing akan bertugas pada hari raya ini bagi memikul tanggungjawab menjaga keselamatan di kampus ini sempena cuti Aidil Fitri Jumaat ini.

Shobehi Hashim yang berkhidmat dengan universiti ini sejak 26 tahun lalu ketika ditemui berkata, bertugas pada cuti hari raya kali ini lebih bermakna kerana dapat bertugas bersama isterinya.

"Biarlah mereka yang tinggal jauh dan bekerja pada tahun sebelum ini pulang beraya bersama keluarga kerana tugas menjaga aset universiti seperti yang dikatakan oleh Naib Canselor amat penting,"katanya.

Manakala isterinya Wan Rushila yang ditemui melahirkan rasa bangga kerana pihak pengurusan mengadakan majlis seperti ini untuk menghargai mereka yang bertugas pada hari raya nanti.

"Walaupun ini adalah kali pertama sejak 25 tahun saya berkhidmat namun gembira kerana akan mehemani suami ketika bertugas nanti,"ujarnya lagi.

Terdahulu Prof Dr Mohamed Mustafa ketika berucap di majlis penyampaian hamper kepada anggota keselamatan seramai 42 orang berkata, pihak universiti amat berbangga dengan anggota keselamatan yang mengorbankan masa untuk berhari raya bersama keluarga untuk menjaga harta kerajaan.

'Saya berharap kawalan di pintu-pintu masuk akan diperketatkan disamping rondaan dilakukan dengan lebih kerap kerana pada waktu cuti inilah, ramai orang yang berniat jahat akan mengambil kesempatan untuk melakukan aktiviti-aktiviti jenayah", katanya di majlis penyampaian hamper kepada 42 anggota Keselamatan di Foyer Jabatan Canselori pagi tadi.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Eksekutif Universiti dan Pengarah Keselamatan UUM, Mejar (B) Adnan Ashaari.

Habis.